

ARAHAN 5/2020

DI BAWAH BAB 62A AKTA PENYAKIT BERJANGKIT PENGGAL 204

1. Menurut Perintah Akta Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2020 yang berkuatkuasa bermula 30 Januari 2020 dan sebagaimana kenyataan media Kementerian Kesihatan yang disiarkan pada 20 Rejab 1441 bersamaan dengan 15 Mac 2020,
 - 1.1. Peserta-peserta dari Negara Brunei Darussalam yang menyertai *Pontianak Bike Week* yang diadakan pada 12 hingga 14 Mac 2020 di Kalimantan, Indonesia dan *Borneo Ultra Trail Marathon 2020* yang diadakan pada 14 hingga 16 Mac 2020 di Sabah, Malaysia adalah dikehendaki untuk mendaftarkan diri di Unit Pelabuhan Kesihatan di pos-pos kawalan, termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk menerima garis panduan bagi menjalani pengasingan diri (*self-isolation*) selama 14 hari sebaik sahaja pulang ke negara ini. Sesiapa yang telah tiba di negara ini dan belum mendaftarkan diri dikehendaki untuk menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148.
 - 1.2. **Bermula daripada 16 Mac 2020, seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam adalah ditegah dari keluar negara**, kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu seperti mendapatkan rawatan perubatan yang mendesak, menghadiri perbicaraan mahkamah atau menyambung sesi pengajian di luar negara, ini pun tertakluk kepada kebenaran Jabatan Perdana Menteri. Sebarang permohonan berhubung

dengan perkara ini boleh dihadapakan melalui e-mel kepada travelapplication@jpm.gov.bn, dengan menyertakan salinan dokumen-dokumen dukungan (*scanned copies*).

2. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar arahan yang telah dikeluarkan ini maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggali 204) yang mana jika didapati bersalah boleh membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Tarikh: 26 Syawal 1441
18 Jun 2020